

**PERATURAN PENYERTAAN
MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN BAHAGIAN DEWASA
PERINGKAT KEBANGSAAN**

1. PERATURAN PENYERTAAN

1.1 SYARAT KELAYAKAN:

1.1.1 Hendaklah Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam **(pemegang Kad Pengenalan warna kuning)**, beragama Islam, bermazhab Syafi'ee aliran Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

1.1.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun semasa mendaftar.

1.1.3 PESERTA PERINGKAT DAERAH DAN MASJID:

1.1.3.1 Hendaklah mengisi Borang B1 musabaqah dengan lengkap iaitu bagi mereka yang hendak mengikuti musabaqah di peringkat **DAERAH DAN MASJID**.

**1.1.4 PESERTA PERINGKAT SEPARUH AKHIR KEBANGSAAN:
(Tertakluk Syarat kelayakan)**

1.1.5.1 Peserta yang telah memperolehi markah 80% di peringkat **DAERAH DAN MASJID** adalah layak menyertai Peringkat **SEPARUH Akhir**.

1.1.5.2 Johan Qari dan Johan Qariah **MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN 1440H/2019M** dan memperolehi markah 80% ke atas adalah layak untuk memohon menyertai musabaqah ini di peringkat **SEPARUH AKHIR** Kebangsaan pada tahun 1441H/2020M dan dikehendaki mengisi Borang B2 musabaqah yang disediakan bagi peringkat ini dengan lengkap. *(Kelayakan memohon hanyalah dalam tempoh satu tahun setelah menjadi johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan)*

1.1.5.3 Peserta yang telah menyertai Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat **AKHIR** Kebangsaan tahun sebelumnya adalah layak untuk memohon menyertai musabaqah ini di peringkat **SEPARUH AKHIR** Kebangsaan pada tahun berikutnya dan dikehendaki mengisi borang B2 musabaqah bagi peringkat ini dengan lengkap. *(Kelayakan memohon hanyalah dalam tempoh satu tahun setelah menyertai Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan)*

**1.1.7 PESERTA PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN:
(Tertakluk Syarat kelayakan)**

- 1.1.7.1 12 Peserta musabaqah Peringkat Akhir Kebangsaan yang mana 10 orang daripadanya adalah mendapat markah teratas di Peringkat Separuh Akhir pada tahun musabaqah iaitu 5 orang qari dan 5 orang qariah (tertakluk kepada perkembangan dan peningkatan markah para peserta)
- 1.1.7.2 Johan Qari dan Johan Qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tahun sebelumnya (Johan Menunggu) adalah layak sebagai peserta menunggu di peringkat AKHIR Kebangsaan pada tahun berikutnya dan dikehendaki mengisi borang B3 dengan lengkap.
- 1.1.7.3 Johan Qari dan Qariah dalam Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tiga (3) kali berturut-turut hanya boleh menyertai musabaqah ini selepas tiga (3) tahun menjadi johan dan akan layak terus ke peringkat Akhir Kebangsaan serta dikehendaki mengisi borang B3 dengan lengkap.
- 1.1.7.4 Johan Qari dan Qariah dalam Majlis Tilawah Al-Quran di Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur hanya boleh menyertai musabaqah ini selepas lima (5) tahun tidak bertanding dan akan layak terus ke peringkat Akhir Kebangsaan serta dikehendaki mengisi borang B3 dengan lengkap.
- 1.1.7.5 Naib Johan Qari dan Qariah dalam Majlis Tilawah Al-Quran di Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur hanya boleh menyertai Musabaqah ini selepas tiga (3) tahun tidak bertanding dan akan layak terus ke peringkat Akhir Kebangsaan serta dikehendaki mengisi borang B3 dengan lengkap.
- 1.1.7.6 Tempat Ketiga Qari dan Qariah dalam Majlis Tilawah Al-Quran di Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur hanya boleh menyertai Musabaqah ini selepas dua (2) tahun tidak bertanding dan akan layak terus ke peringkat Akhir Kebangsaan serta dikehendaki mengisi borang B3 dengan lengkap.
- 1.1.7.7 Penghantaran wakil negara iaitu JOHAN QARI dan JOHAN QARIAH Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan ke Majlis Tilawah Al-Quran di Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur adalah tertakluk kepada syarat pihak penganjur dari masa kesemasa.

PERHATIAN : Jika johan menunggu tidak mengikuti musabaqah di peringkat akhir tahun berikutnya, maka jumlah peserta yang layak memasuki ke peringkat akhir dikenakan menjadi 6 orang.

1.2 SYARAT PENYERTAAN

- 1.2.1 Peserta akan dimaklumkan mengenai tarikh pengambilan borang dan borang berkenaan hendaklah dikembalikan kepada pihak urusetia sebelum tarikh tutup yang ditetapkan. Kesemua peserta hendaklah memberikan maklumat awal kepada urusetia sebelum tarikh tutup penghantaran borang sebagai tanda penyertaan, disamping mengisi borang penyertaan dengan lengkap bagi peringkat musabaqah yang seterusnya serta menghantar kembali kepada pihak urusetia selewat-lewatnya pada sesi taklimat.
- 1.2.2 Mana-mana peserta yang gagal memaklumkan atau menghantar borang yang lengkap maka dikira tidak menyertai musabaqah.
- 1.2.3 Borang Penyertaan hendaklah disahkan oleh pihak majikan peserta.
- 1.2.4 Borang yang tidak lengkap diisi dan tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki tidak akan diterima.
- 1.2.5 Urusan mendapatkan kebenaran keluar pejabat kerana menyertai musabaqah disemua peringkat adalah menjadi tanggungjawab peserta itu sendiri.
- 1.2.6 Setiap peserta musabaqah hendaklah patuh kepada peraturan yang disediakan oleh urusetia.
- 1.2.7 Urusetia tidak bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan kenderaan, makan dan minum bagi peserta menghadiri musabaqah di mana-mana peringkat.



**TARIKH TUTUP PENYERTAAN
14HB SEPTEMBER 2019M
SEBELUM JAM 4.00 PETANG**

**BORANG PENYERTAAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN BAHAGIAN DEWASA
PERINGKAT ZON/DAERAH/MASJID DAERAH SELURUH NEGARA TAHUN 1440H/2019M**

1. Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan):
(Ejaan Jawi):
(Ejaan Rumi):
2. Nombor Kad Pengenalan: Warna: Jantina:
3. Tarikh Lahir: Umur:
4. Alamat Persuratan:
..... Poskod:
Nombor Telefon (Rumah): (Bimbit): (Pejabat):
5. Alamat Majikan:
..... Poskod:
Nombor Faks: E-Mel:
6. Masjid Tempat Mengikuti Pertandingan:

Saya sukacita memohon untuk menyertai Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Daerah Seluruh Negara TahunH/.....M dan patuh kepada syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

Tarikh: Tandatangan Pemohon:

PERINGATAN: Tarikh tutup mengantar borang tidak lewat pada, jam 4 petang.

**Untuk Diisikan Oleh Pihak Yang Berkenaan
Seperti Ketua Pejabat/Dekan/Pengetua/Guru Besar/Ketua Kampong (Bagi Yang Tidak Bekerja)**

Saya membenarkan/tidak membenarkan*
untuk menyertai Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Daerah Seluruh Negara Tahun
.....H/.....M

Tarikh: **COP RASMI** Nama dan Tandatangan:
()

**Potong yang tidak berkenaan*

Untuk Kegunaan Urusetia

Pegawai Menerima Borang:

Tarikh Menerima Borang: